

28 AUG 1999

PAHANG TURUT SERTA MERIAHKAN MALAM KEMERDEKAAN

KUANTAN, 28 Ogos (Bernama) -- Persembahan kebudayaan negeri Pahang dan nyanyian beberapa artis terkenal tanah air akan memeriahkan lagi "Program Seabad Malaysia ke Alaf Baru" menyambut detik 12 malam Hari Kebangsaan di Stadium Darul Makmur di sini Isnin ini.

Pengerusi Jawatankuasa program itu Datuk Omar Othman hari ini berkata tarian rakyat Walinong Sari berasal dari daerah Maran yang akan dipersembahkan pada malam itu, akan disiarkan secara lintas langsung menerusi televisyen ke seluruh negara sempena sambutan serupa di ibu negara.

Siaran langsung itu juga akan meliputi sidang video antara Menteri-menteri Besar dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menteri Besar Pahang Datuk Adnan Yaakob akan berada di pejabat telekom Jalan Abdul Aziz di sini untuk menyertai sidang video itu, kata Omar.

Selaian tarian Melayu, India dan Cina, persembahan malam itu di sini, akan turut diserikan dengan Tarian Sewang oleh kumpulan Orang Asli Pos Betau, Lipis.

Omar berkata artis-artis tempatan yang akan memeriahkan sambutan ialah Zamani (Slam), Liza Hanim, Kumpulan Jelmol, Datin Rafeah Buang dan Ahmad Jais.

-- BERNAMA

ROS RON